

'Najib saman saya untuk tujuan politik'

BH - 27/11/2021 m/s: 19

Tommy Thomas dalam afidavit dakwa tuntutan cuba ganggu tugas sebagai Peguam Negara

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, mendakwa Datuk Seri Najib Razak sebenarnya tidak peduli, sama ada saman difailkan bekas perdana menteri itu terhadap dirinya dan kerajaan atas dakwaan melanggar kuasa dalam jawatan awam, mempunyai merit atau tidak.

Tommy dalam afidavit sokongan membatalkan saman itu, berkata tuntutan saman terbabit sebaliknya bertujuan menggang-

gu dan menakutkannya kerana menjalankan tugas sebagai Peguam Negara dan menggunakan budi bicara mengikut Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan untuk mendakwa Najib di mahkamah.

Beliau menyifatkan, saman berkenaan adalah bermotifkan politik dan turut dijadikan bahan dalam kempen Pilihan Raya Negeri Melaka (PRN), baru-baru ini dan akan digunakan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) akan datang.

Mengenai dakwaan Najib dalam saman itu bahawa reputasi dan karier politiknya terjejas selepas didakwa secara salah, Tommy berkata, reputasi bekas Presiden UMNO itu sudah lama dikecam sebelum beliau dilantik sebagai Peguam Negara lagi.

Tommy menegaskan, reputasi Ahli Parlimen Pekan itu lebih teruk terjejas apabila disabitkan dengan kesalahan penyelewengan dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd dan tersebar luas apabila pada tahun 2017, Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat

(AS) menamakannya sebagai Malaysia Official 1 dalam tuntutan pelucutan hak berkaitan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurut Tommy lagi, dakwaan Najib sepatutnya ditimbulkan dalam perbicaraan kes jenayahnya ketika pembelaan kerana ia tidak boleh dipertahankan melalui prosiding saman sivil.

Tommy berkata, saman itu juga adalah usaha untuk membicarakan semula kes jenayah yang dihadapi Najib, dalam prosiding sivil.

Katanya, beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan subjudis terhadap Najib sepanjang perbicaraan kes jenayah yang hadapinya.

"Saya tidak mempunyai sebarang tanggungjawab terhadap Najib untuk tidak memberikan sebarang kenyataan mengenainya.

"Malah beliau (Najib) sendiri tidak pernah menyatakan dalam tuntutan samannya bahawa empat lagi kes jenayah yang hadapinya terjejas akibat kenyataan saya," katanya.